



MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

06000 Jitra, Kedah Darul Aman

Tel : 7023300 / 9183317

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang berkaitan yang masih sah laku dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup sebut harga **serta berdaftar dengan Majlis Perbandaran Kubang Pasu** bagi menyertai sebut harga berikut :

NOMBOR DAN TAJUK SEBUTHARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH DOKUMEN DIKELUARKAN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA	BAYARAN
Sebut Harga Perkhidmatan Perlindungan Insurans Nyawa Berkelompok (Group Term Life-GTL) Dan Kemalangan Diri Berkelompok (Group Personal Accident-GPA) Untuk Majlis Perbandaran Kubang Pasu Bagi Tahun 2026 MPKP/SH(BP)/11/2025	Kementerian Kewangan 221801 (Syarikat Insuran (Perlu Lesen Bank Negara)) atau 221802 (Broker Insuran (Perlu Lesen Bank Negara)) (Taraf Bumiputera Sahaja)	Dijual mulai 25.11.2025 Sehingga 04.12.2025	07.12.2025 (Ahad) Jam : 12.00 Tengah Hari	Pendaftaran Pembekal : RM 200.00 Dokumen : RM 30.00
Sebut Harga Perkhidmatan Perlindungan Insurans Kenderaan Hak Milik Majlis Perbandaran Kubang Pasu Bagi Tahun 2026 MPKP/SH(BP)/12/2025	(Taraf Bumiputera Sahaja)			
Sebut Harga Perkhidmatan Perlindungan Insurans Bangunan, Tanggungan Awam, Kecurian Dan Wang Majlis Perbandaran Kubang Pasu Bagi Tahun 2026 MPKP/SH(BP)/13/2025	(Taraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera)			

1. Pendaftaran pembekal boleh dibuat melalui pautan yang tertera di dalam portal Majlis Perbandaran Kubang Pasu.

2. Dokumen sebut harga akan dijual dalam bentuk soft copy (e-mel). Sila kemukakan borang permohonan pembelian dokumen Sebut Harga beserta dokumen wajib seperti yang dinyatakan di dalam borang permohonan pembelian dokumen Sebut Harga ke emel perolehanmpkubangpasu@gmail.com. Resit pembelian dokumen sebut harga dan pendaftaran pembekal akan dikeluarkan untuk tujuan pembayaran. Waktu urusan permohonan serta pertanyaan mengenai sebut harga seperti berikut :

AHAD – RABU : 8.30 Pagi – 4.00 Petang
KHAMIS : 8.30 Pagi – 3.00 Petang

3. Penyebut harga perlu melampirkan bukti pembayaran ke emel perolehanmpkubangpasu@gmail.com.
4. Dokumen sebut harga akan diberikan melalui emel setelah bukti pembayaran diterima. **Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan dibukukan / didokumentasikan bersama dokumen sokongan yang diwajibkan.**
5. Dokumen Sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah di masukkan ke dalam sampul surat yang berlakri / bermeteri. Tajuk dan Nombor Sebut Harga hendaklah di nyatakan di muka hadapan sampul surat tersebut dengan terang dan jelas dan di alamatkan kepada **YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN** dan dimasukkan terus ke dalam peti tawaran berkenaan di **MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU** sebelum atau pada jam 12.00 tengahari bertarikh seperti tersebut di ruangan tarikh tutup sebutharga.
6. Jika sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga hendaklah memastikan sendiri bahawa dokumen tersebut selamat dihantar ke alamat yang telah ditetapkan dan dimasukkan ke dalam peti tawaran sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga. MPKP tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

.....

FAIZAL AZLI BIN GHAZALI, BCK.
SETIAUSANA
MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

Tarikh Iklan : 25 NOV 2025



MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU
KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH KUBANG PASU
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN.

BORANG PERMOHONAN PEMBELIAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Nama Syarikat / Individu	
Alamat	
No. pendaftaran SSM	
Nama Pegawai Syarikat (seperti dalam sijil)	
No. Kad Pengenalan	
No. Telefon (P) / Faks	
No. Telefon (HP)	
Email	
Tajuk Sebut Harga	☐ Sebut Harga Perkhidmatan Perlindungan Insuran Nyawa Berkelompok (Group Term Life-GTL) Dan Kemalangan Diri Berkelompok (Group Personal Accident-GPA) Untuk Majlis Perbandaran Kubang Pasu Bagi Tahun 2026 MPKP/SH(BP)/11/2025 (RM 30.00) ☐ Sebut Harga Perkhidmatan Perlindungan Insuran Kenderaan Majlis Perbandaran Kubang Pasu Bagi Tahun 2026 MPKP/SH(BP)/12/2025 (RM 30.00) ☐ Sebut Harga Perkhidmatan Perlindungan Insuran Bangunan, Tanggungan Awam, Kecurian Dan Wang Majlis Perbandaran Kubang Pasu Bagi Tahun 2026 MPKP/SH(BP)/13/2025 (RM 30.00)

Wajib lampirkan bersama salinan dokumen-dokumen berikut :

1. Sijil Pendaftaran Syarikat Dari Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah laku.
2. Sijil Taraf Bumiputera Dari Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah laku (jika berkaitan).
3. Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang masih sah laku.
4. Sijil Pematuhan Cukai (TCC) yang masih sah laku dan berstatus PATUH.
5. Salinan Kad Pengenalan pengurus syarikat.

❖ Sila kemukakan borang ini berserta Salinan sijil-sijil ke email perolehanmpkubangpasu@gmail.com untuk semakan kelayakan untuk menyertai sebut harga ini.

Tandatangan dan cop syarikat :

Nama :
Tarikh :